PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
199001014678 (206347-V)

NOTIS SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (KKM) & mempunyai Lesen KDN, berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkhidmatan berikut :

Bil.	Tajuk Kerja	Pendaftaran	Kod Bidang	Harga Dokumen
1	Cadangan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata untuk 400 unit (5 Blok) Rumah Pangsa Kos Rendah, Di **Taman Permata, Mukim Dengkil,** Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan untuk Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB-sh10/2026)	Kementerian Kewangan (beralamat di dalam Negeri Selangor, WP & Putrajaya)	22 08 01 atau 12 04 01	50.00
2	Cadangan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata di Rumah Pangsa Kos Rendah, **Alam Perdana, Bandar Puncak Alam,** Selangor Darul Ehsan untuk Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB-sh11/2026)	Kementerian Kewangan (beralamat di dalam Negeri Selangor, WP & Putrajaya)	22 08 01 atau 12 04 01	50.00

TAKLIMAT SKOP PERKHIDMATAN
Taklimat berkaitan skop perkhidmatan bagi kerja di atas adalah diwajibkan. Hanya Pemborong yang hadir sesi Taklimat sahaja dibenarkan membeli dokumen Sebutharga. Butiran taklimat adalah seperti berikut :-

Tarikh : 24hb November 2026 (Selasa)
Masa : 10:30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 16,
PNSB, Menara Naza TTDI, Seksyen 13, Shah Alam

BAYARAN
Bayaran untuk Dokumen Sebutharga adalah secara **Tunai/Bank Deraf yang dibuat atas nama Permodalan Negeri Selangor Berhad**.

DOKUMEN SEBUTHARGA
Dokumen Sebutharga boleh disemak pada waktu pejabat di Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI, No. 11, Jalan Judo 13/45, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan selepas selesai sesi Taklimat.

Pemborong dikehendaki menunjukkan Perakuan Pendaftaran Asal Sijil Kementerian Kewangan berserta satu salinan photostat semasa memohon tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan dokumen tawaran tidak akan dikeluarkan. Notis Sebutharga ini juga boleh dilawati di laman web PNSB : **http://www.pnsb.com.my**

Tarikh akhir penjualan Dokumen adalah pada **08HB. DISEMBER 2026 (Selasa)**. Dokumen tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi ; Sr. Baharudin Bin Ismail di talian 03-5650 1700 sambungan 1691.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI tidak lewat daripada **08HB DISEMBER 2026 (SELASA) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI. Dokumen Sebutharga yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.**